

16/02/2001

Banjir tidak jejas pembinaan empangan elektrik Bakun

MIRI, Khamis - Pembinaan komponen projek empangan hidro elektrik Bakun, di wilayah tengah Sarawak tidak terjejas dengan masalah banjir, meskipun kawasan sekitarnya seperti Belaga, Kapit dan Sibu teruk dilanda bencana itu sejak beberapa hari lalu.

Bagaimanapun syarikat pemaju projek itu, Dong Ah Construction Company Limited, yang kini sedang menyiapkan terowong empangan, tetap mengambil langkah berjaga-jaga menghadapi kemungkinan masalah itu turut berlaku di situ, berikutan hujan lebat yang berterusan.

Pengurus Besarnya, Lim Seung Cheoi, berkata paras air Sungai Balui, iaitu sungai yang terbabit dalam projek itu turut mengalami peningkatan, tetapi tidak menimbulkan sebarang bahaya.

"Setakat ini kita tidak menghadapi sebarang masalah. Benteng yang dibina dapat mencegah daripada berlaku banjir besar di kawasan projek," katanya ketika dihubungi petang ini.

Setakat ini, 32 sekolah di Bahagian Sibu terpaksa ditutup berikutan banjir akibat pertembungan air laut yang pasang besar dan air dari kawasan hulu yang turun.

Sungai Balui adalah cabang Sungai Rajang, iaitu sungai terbesar dan terpanjang di Malaysia. Kawasan lain seperti Belaga dan Kapit turut mengalami situasi sama.

Sebelum ini timbul kebimbangan kemungkinan projek itu turut terjejas akibat banjir, apabila paras Sungai Rejang naik secara mendadak.

Dalam pada itu, Lim berkata, kerja pembinaan struktur luar tiga terowong bagi mengalihkan air Sungai Balui di tapak projek itu hampir 75 peratus siap.

Menurutnya, kerja pembinaan bahagian itu dijangka dapat diteruskan tanpa sebarang masalah besar, meskipun keadaan cuaca di situ kini terus lembap sejak beberapa hari lalu.

"Kita jangka tiada masalah untuk menyiapkan struktur itu mengikut jadual," katanya.

Dong Ah Construction Company Limited dijangka menyerahkan projek itu kepada pemilik projek - Bakun Hydro Sdn Bhd dan kerajaan Pusat pada satu majlis ringkas, 28 April ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dijangka hadir menyaksikan penyerahan itu.

Kerja pembinaan tiga terowong sepanjang 1.4 kilometer tiap satu itu dimulakan pada 1996, tetapi tergendala setahun kemudian apabila negara dilanda masalah kegawatan ekonomi.

Ia disambung semula selepas ekonomi kembali pulih pada 1998. Kali ini kerajaan yang melaksanakan projek itu selepas mengambil alih daripada Ekran Berhad - pemaju swasta yang diberi kontrak melaksanakan projek itu sebelumnya.

Dengan siapnya pembinaan tiga terowong itu, bermakna kerajaan dijangka lagi mengeluarkan tender baru melaksanakan pembinaan komponen utama projek iaitu, empangan hidro elektrik.

Komponen utama ini membabitkan dua jenis empangan iaitu empangan asas setinggi 90 meter dan empangan utama setinggi 235 meter. Bagaimanapun saiz sebenar empangan yang hendak dibina itu masih belum diputuskan.

Difahamkan sebelum ini, beberapa syarikat pemaju antarabangsa telah menyatakan minat untuk mendapatkan kontrak bagi pembinaan projek empangan itu yang dianggarkan bernilai RM7.2 billion.

Projek hidro elektrik Bakun dijangka siap pembinaannya dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.

Apabila siap kelak ia mampu mengeluarkan tenaga elektrik sebanyak 500 megawatt. Mengikut perancangan asal sebelum ini, projek berkenaan dianggarkan membabitkan kos RM13.5 billion.

(END)